

# Ubah sihap untuk



**H**ULU LANGAT 23 Julai — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, mahu masyarakat desa mengubah kampung mereka menjadi kampung moden bagi membolehkan mereka mengejar keseimbangan pembangunan yang dinikmati oleh penduduk bandar.

Beliau berkata, kerajaan ingin melihat kampung-kampung menjadi lebih tersusun, tanah dibangunkan secara komersial, kedai-kedai yang menguntungkan dan projek-projek yang boleh menghasilkan pulangan yang lumayan.

Katanya, untuk mencapai semua itu, penduduk kampung mestilah terlebih dahulu sanggup mengubah sikap.

"Kesanggupan menerima perubahan perlulah ada pada diri penduduk kampung.

"Tanpdsikap yang betul kekayaan tidak akan memberi sebarang makna dan pembangunan tidak dapat dirasai jika semua penduduk kampung mahu hidup dalam abad ke 19 sedangkan orang lain sudah mengorak langkah ke abad ke 20," katanya.

Dr. Mahathir membuat seruan itu selepas merasmikan Program Kampungku dan Kumpulan Pembaca, Pendengar dan Penonton (K3P) Negeri Selangor di Hulu Langat, hari ini.

Perdana Menteri yang tiba bersama isterinya, Dato' Sri Datin Padukan Dr. Siti Hasmah Mohd. Alitalah berbasikal bersama 2,000 penduduk kampung

sejauh 0.5 kilometer menuju Padang Awam Pekan Batu 14 di sini, di mana pelancaran Program Kampungku dan K3P dilancarkan.

Ketibaan beliau disambut oleh paluan kompiang kanak-kanak Tadika termasuk 660 kanak-kanak jogaton.

Turut mengiringi ialah Menteri Besar, Tan Sri Muhamad Mohd. Taib, Menteri Penerangan, Dato' Mohamed Rahmat, Menteri Kesihatan, Dato' Lee Kim Sai, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abu Hassan Omar serta Exco-Exco Kerajaan Negeri Selangor.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir berulang-kali menegaskan betapa pentingnya penduduk kampung mengubah sikap, cara hidup dan berusaha keras untuk mencapai kemajuan.

## Sikap

Katanya, perubahan sikap sangat penting dan kesanggupan bekerja keras juga penting kerana itu yang akan menentukan kejayaan sesebuah kaum.

"Dr. Mahathir menjelaskan kerajaan boleh salurkan bantuan' atau lakukan apa saja tetapi akhirnya yang menentukan kejayaan terletak kepada kesanggupan rakyat untuk menerima perubahan itu.

"Jika hidup kita sesuai dengan pembangunan sekeliling, kita akan mencapai kejayaan sebab itulah kerajaan ingin menekankan mustahaknya masyarakat kampung menukar corak kampung mereka kepada

kampung moden," ujarnya.

Menurut beliau lagi, dalam dunia ini tidak satu perkara yang mustahil, yang penting ialah usaha dan keyakinan kepada kemampuan diri sendiri.

Oleh itu, katanya, tidak ada sesiapa pun yang patut mengasingkan diri daripada arus pembangunan dan ingin hidup seperti 300 tahun lalu.

"Kita tidak boleh lagi tinggal dalam kampung seperti zaman dahulu kala kerana ia akan menyebabkan orang lain lebih maju daripada kita," kata Perdana Menteri.

Katanya lagi, walaupun penghijrahan ke bandar tidak dapat dielakkan, masyarakat masih memerlukan suasana kampung tetapi bukan dengan cara lama.

Menurutnya, sebaliknya apa yang dikehendaki ialah kampung turut berubah.

Sebab itulah, kata Perdana Menteri, kerajaan melancarkan Program Kampungku khusus untuk menggerakkan masyarakat kampung ke arah pembangunan tanpa meninggalkan nilai-nilai kampung yang dibanggakan.

Beliau berkata, kampung tidak wajar dibiarkan begitu sahaja.

"Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memimpin kampung-kampung supaya turut membangun bersama bandar-bandar lain di Malaysia.

"Saya rasa amat gembira kerana Projek Kampungku berjaya menjadikan kampung-kampung kita sesuai

dengan peredaran zaman," katanya.

Sementara itu, ketika bercakap kepada pemberita, Dr. Mahathir menambah, tujuan beliau menggesa penduduk kampung bertukar corak kampung mereka kerana kedudukan kampung sekarang adalah dalam keadaan yang tidak tersusun.

Katanya, kadang-kadang di sesebuah kampung sehingga tidak ada jalan utama masuk ke dalam kerana kedudukan rumah yang tidak tersusun.

"Keadaan seperti ini merugikan dari segi pembangunan di mana tanah tidak boleh digunakan secara menyeluruh.

## Berubah

"Kita hendaklah berubah kepada keadaan yang lebih tersusun kerana ia akan memudahkan kerajaan membekalkan kemudahan asas," ujarnya.

Kepada pertanyaan tentang kajian sama ada kilang-kilang mercun dan bunga api perlu wujud di negara ini, Perdana Menteri menjelaskan:

"Pada masa ini negara sedang menghadapi kekurangan tenaga manusia dan pekerja syarikat yang terlibat boleh bekerja di syarikat lain."

Menurutnya, tuan punya kilang juga boleh melabur dan menceburi bidang pelaburan lain.

Dr. Mahathir dukacita dengan kejadian itu dan berharap satu siasatan dijalankan segera agar kejadian yang sama tidak berulang.